



KUPASAN MUTU JAWAPAN

PRINSIP PERAKAUNAN 2

3756/2

SPM

2 0 1 3



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Prinsip Perakaunan 3756/2 mengandungi 6 soalan dan dibahagikan kepada bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi 3 soalan yang wajib dijawab sementara bahagian B mengandungi 3 soalan dan calon boleh memilih untuk menjawab mana-mana 2 soalan.

BAHAGIAN A

- Soalan 1 a) Pengelasan akaun
b) Catatan bergu
c) Pelupusan aset
d) Penggajian
e) Kos Pengeluaran

Soalan 2 - Penyata Kewangan untuk Perkongsian

Soalan 3 - Akaun Kawalan

BAHAGIAN B

- Soalan 4 - Belanjawan Tunai
Soalan 5 - Lejar
Soalan 6 - Syarikat Berhad

Masa yang diperuntukkan kepada calon ialah 2 jam 30 minit.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi keseluruhan calon bagi kertas 3756/2 pada tahun 2013 adalah memuaskan. Calon yang cemerlang berjaya mempersembahkan jawapan mengikut format yang tepat dan teratur serta menepati peraturan peraturannya. Calon menguasai kefahaman prinsip dan konsep asas perakaunan, memahami dan mengaplikasikan konsep kitaran perakaunan serta prinsip catatan bergu secara menyeluruh, menyediakan penyata kewangan dengan mengambilkira kehendak pelarasan yang pelbagai bagi entiti milikan tunggal, perkongsian dan organisasi bukan berorientasikan keuntungan. Mereka juga berjaya menyediakan penyata kewangan bagi perniagaan yang tidak menyimpan rekod yang lengkap, penyata penyesuaian bank dan buku tunai runcit. Calon mempamerkan kemahiran mempersembahkan jawapan dengan lengkap berdasarkan arahan soalan dan ini menunjukkan calon telah menguasai keseluruhan kandungan sukatan pelajaran.

Namun terdapat juga calon yang hanya menguasai kemahiran menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pelarasan aras rendah dan mempamerkan jawapan dalam konteks yang biasa sahaja. Calon dalam kategori ini kurang penguasaan dalam prinsip asas perakaunan, perakaunan untuk perkongsian dan entiti bukan berorientasikan keuntungan serta entiti yang tidak menyimpan rekod yang lengkap.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Secara umumnya, calon kumpulan ini mempunyai pengetahuan asas perakaunan yang kukuh dan menguasai kemahiran aplikasi, analisis dan mentafsir yang tinggi. Mereka berkeupayaan menyelesaikan perkara pelarasan yang biasa, pelbagai dan kompleks (aras tinggi)

Persembahan jawapan menggambarkan calon menguasai kefahaman dan pengetahuan perakaunan yang mendalam serta berjaya menguasai hampir keseluruhan sukatan pelajaran prinsip perakaunan. Peratus kesilapan dan kecuaiian dilakukan adalah sangat minimum. Jawapan telah disertakan dengan jalan kerja yang jelas.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Semua tajuk dalam sukatan pelajaran tidak dikuasai sepenuhnya. Calon hanya memberi tumpuan pada tajuk-tajuk tertentu sahaja. Calon menguasai kefahaman dan pengetahuan asas perakaunan. Di samping itu jawapan yang dipersembahkan baik tetapi hanya melibatkan pelarasan dan konteks yang biasa. Hanya sebahagian kecil berjaya menguasai pelarasan dan konteks yang lebih kompleks dalam jawapan.

Persembahan jawapan mengikut format yang betul tetapi tidak lengkap dan kurang tepat. Ini adalah kerana kegagalan calon menyelesaikan perkara pelarasan yang kompleks. Sebahagian calon tidak menunjukkan jalan kerja jawapan penting bagi menyokong angka jawapan yang ditunjukkan. Sebagai contoh untuk pengiraan belanja susut nilai dan susut nilai terkumpul di kunci kira kira.

Kumpulan Prestasi Rendah

Calon hanya mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam situasi dan konteks yang biasa sahaja. Majoriti calon tidak menjawab semua soalan yang diperlukan (5 soalan) dan sebahagian besar calon hanya berjaya mempamerkan jawapan yang agak baik untuk satu atau dua soalan sahaja. Jawapan calon tidak disokong dengan jalan kerja di mana perlu atau jalan kerja yang ditunjukkan tidak relevan dan tidak tepat.

Persembahan jawapan calon tidak memuaskan kerana tidak lengkap, kurang sistematik dan kurang menepati kehendak peraturan pemarkahan. Kecuaian menyebabkan calon kehilangan markah. Kemahiran asas tidak dikuasai seperti pengkelasan akaun, jurnal, sistem catatan bergu dan penyediaan akaun penamat serta kunci kira-kira.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

Soalan 1 (a)

Soalan ini memerlukan calon menunjukkan catatan di Jurnal Am bagi merekodkan pembelian aset bukan semasa iaitu komputer secara kredit.

- 1 (a) Catatkan urus niaga berikut di dalam Jurnal Am (abaikan keterangan).

Membeli sebuah komputer RM2 000 daripada Syarikat Setia Berhad.

Kekuatan

Calon faham kehendak soalan 'merekod urus niaga' dan menunjukkan jawapan dengan tepat. Mereka menguasai format Jurnal Am dan dapat merekod dengan tepat mengikut prinsip catatan bergu.

1. (a) JURNAL AM

Tarikh	Butiran	Folio	Debit (RM)	Kredit (RM)
-	Alatan Pejabat		2000	
	Syarikat Setia Berhad			2000

Kelemahan

Tidak dapat membezakan antara 'Alatan Pejabat' dengan 'Kelengkapan' untuk digunakan bagi menamakan akaun yang merujuk kepada pembelian komputer. Walau pun calon menguasai format jurnal am tetapi gagal menamakan salah satu akaun dengan tepat. Mereka gagal menamakan pasangan akaun yang perlu didebit dan dikreditkan mengikut prinsip catatan bergu. Terdapat juga yang tidak dapat menulis butiran (nama akaun) dengan tepat.

Bahagian A				
Jurnal Am				
1 a)	Butiran	Folio	Debit (RM)	Kredit (RM)
	Beli		2000	
	Syarikat Setia Berhad			2000

Format Jurnal Am tidak dikuasai dan dengan itu jawapan yang dipersembahkan adalah dalam bentuk lebar. Mereka dapat mengenal pasti satu akaun dengan tepat.

o)	Akaun Belian	
	Perabut	2000
	Syarikat Setia Berhad	
	Perabut	2000

Kesilapan

Calon gagal mentafsir maklumat soalan '.... berdasar semua urusan yang berlaku' dan dengan itu memberikan jawapan dengan hanya menyatakan akaun-akaun yang terlibat.

Komputer - Debit
Syarikat Setia Berhad - Kredit

Terdapat juga calon melakukan kesilapan merekod dengan menunjukkan catatan songsang.

a)	Tarikh	Butir	Debit	Kredit
		Komputer		2000
		Syarikat Setia Berhad	2000	

1a)	Syarikat Setia Berhad	2000	
	Komputer (Belian)		2000

Soalan 1 (b)

Menyatakan prinsip dan andaian perakaunan berdasarkan dua situasi iaitu yang berkaitan dengan urusan niaga peribadi serta keperluan merekod dalam satu tempoh tertentu.

- (b) Nyatakan prinsip dan andaian perakaunan yang diamalkan bagi setiap situasi di bawah:
- Pemilik menjelaskan bil elektrik rumahnya tetapi tidak direkodkan di dalam buku perniagaan.
 - Penyata kewangan bagi Perniagaan Cekal telah disediakan berdasarkan semua urusan niaga yang berlaku sepanjang 1 April 2012 hingga 31 Mac 2013.

Kekuatan

Calon menguasai kefahaman tentang prinsip dan andaian perakaunan mengikut situasi yang diberi dan dengan itu dapat memberikan jawapan dengan tepat.

b) i)	entiti berasingan
ii)	tempoh perakaunan

Kelemahan

Kefahaman konsep dan prinsip asas perakaunan tidak dikuasai sepenuhnya dan menyebabkan hanya salah satu jawapan sahaja yang betul.

Terdapat juga calon yang gagal mengenal pasti prinsip perakaunan yang tepat berdasar situasi atau maklumat yang diberi dalam soalan

b) i)	konservatisme
ii)	tempoh perakaunan

b) i)	entiti berasingan
ii)	ketekalan.

Calon tidak memahami maksud konsep dan prinsip asas perakaunan

b) i)	Tertinggal catatan
ii)	Tahun berakhir

Kesilapan

Pentafsiran tugas soalan gagal dilakukan dan jawapan yang diberikan tidak relevan. Mereka mentafsir maklumat soalan sebagai urus niaga.

(b) (i)	Belanja.
(ii)	catatan bergu

Soalan 1c

(c) Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikredit bagi setiap urus niaga berikut:

- (i) Menjual barang niaga secara kredit kepada Raju.
- (ii) Membeli perabot secara tunai untuk kegunaan perniagaan.

Soalan memerlukan calon menamakan akaun-akaun yang terlibat bagi urus niaga jualan kredit dan juga belian aset bukan semasa secara tunai.

Kekuatan

Calon memahami tugas soal dan berupaya mengaplikasikan prinsip catatan bergu. Oleh yang demikian mereka berjaya menunjukkan jawapan yang tepat.

(i)	Debit - Raju
	Kredit - Jualan
(ii)	Debit - Perabot
	Kredit - Tunai

c)	
i)	Akaun Raju = debit
	Akaun Jualan = Kredit
ii)	Akaun Perabot = debit
	Buku Tunai (Ruangan Tunai) = Kredit

Kelemahan

Calon memahami sistem catatan bergu tetapi tidak dapat menamakan salah satu nama akaun dengan tepat.

c) i)	Akaun Raju (debit).
	Akaun Belian (kredit).

(c)	Debit	Kredit
(i)	Raju	Akaun Stok
(ii)	Perabot	Ambilan

Kesilapan

Tugasan soalan tidak difahami dan hanya menyatakan satu akaun sahaja atau menunjukkan hanya catatan debit sahaja. Terdapat juga calon yang berjaya mengenalpasti akaun yang tepat tetapi telah tersilap menentukan catatan debit dan kredit.

c. i)	Raju -debit
	Penghutang -debit.

(c)	Debit	Kredit
(i)	Jualan	Raju
(ii)	Perabot	Puniguan

Soalan 1d

(d) Beri **satu** contoh akaun bagi setiap yang berikut:

(i) akaun nominal

(ii) akaun nyata

Calon dikehendaki memberi hanya satu contoh bagi akaun di bawah kategori akaun nominal dan akaun nyata.

Kekuatan

Kehendak soalan difahami dan dapat dijawab dengan tepat.

Calon dapat mengklasifikasikan akaun nominal dan akaun nyata dengan betul.

(d) (i) Akaun nominal - kadar bayaran
(ii) Akaun nyata - Lengtapon

d	i) Akaun Insurans
	ii) Akaun Perabot

Kelemahan

Maksud akaun nominal dan akaun nyata gagal dinyatakan dengan tepat.

d)	i) Penghutang.
	ii) Penghutang

	d) i) Akaun Perkongsaan
	ii) Akaun Syarikat

Kesilapan

Contoh yang diberikan adalah songsang antara akaun nominal dan akaun nyata.

d)	Akaun nominal = kenderaan,
	Akaun nyata = Sewa diterima, kadar bayaran

d) i)	Akaun Akaun Pejabat
	ii) Akaun Jualan

Soalan 1e

(e) Maklumat berikut menunjukkan data gaji Encik Wafi.

	RM
Gaji pokok	2 500
Elaun perumahan	400
Elaun sara hidup	200
Potongan cukai berjadual	160
Caruman PERKESO	15
Caruman KWSP	275

Berapakah:

- (i) gaji kasar
- (ii) gaji bersih

Soalan memerlukan calon menghitung gaji kasar dan gaji bersih berdasarkan maklumat berkaitan gaji yang diberikan.

Kekuatan

Jawapan yang tepat diberikan dan disertakan dengan jalan kerja yang jelas.

e)ii)	Gaji kasar = 2500 + 400 + 200
	= 3100
ii)	Gaji bersih = 3100 - 160 - 15 - 275
	= 2650

Kelemahan

Gagal mengklasifikasikan item bagi elaun dan potongan. Walaubagaimanapun terdapat calon yang berjaya menghitung gaji kasar tetapi gagal menghitung gaji bersih. Jalan kerja juga tidak ditunjukkan.

(e)	(i) RM 3100
	(ii) RM 3230

Kesilapan

Perbezaan antara gaji kasar dan gaji bersih gagal dibezakan. Calon berjaya menghitung angka untuk gaji bersih tetapi angka tersebut telah dilabelkan sebagai gaji kasar.

e) i) gaji kasar = (2500 + 400 + 200) - (160 + 18) 275)
= 3100 - 450
RM2650

Soalan 2

- 2 Imbangan Duga berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Rosli dan Aysha pada 31 Oktober 2013:

	Dt RM	Kt RM
Akaun Modal pada 1 November 2012:		
Rosli		40 000
Aysha		30 000
Akaun Semasa pada 1 November 2012:		
Rosli		2 350
Aysha	140	
Pinjaman Rosli (matang pada 31 Oktober 2014)		20 000
Ambilan pada 1 November 2012:		
Rosli	16 000	
Aysha	5 000	
Peralatan (kos)	85 000	
Susut nilai terkumpul peralatan		28 750
Stok awal	22 650	
Penghutang dan pemiutang	56 841	19 373
Bank		6 133
Belian dan jualan	96 845	278 367
Angkutan masuk	1 584	
Gaji pekerja	84 624	
Belanja Am	56 289	
	<u>424 973</u>	<u>424 973</u>

Perjanjian Perkongsian menggariskan perkara berikut:

- (a) Faedah atas modal 5 % setahun.
- (b) Faedah atas pinjaman perkongsi 10 % setahun.
- (c) Gaji Aysha RM6 000 setahun.
- (d) Nisbah untung atau rugi antara Rosli dan Aysha ialah 3:2.

Maklumat tambahan pada 31 Oktober 2013:

- (i) Stok akhir RM23 500.
- (ii) Ambilan barang niaga RM1 200 dilakukan oleh Rosli untuk kegunaan sendiri belum direkodkan.
- (iii) Gaji pekerja terakru sebanyak RM1 500.
- (iv) Belanja am terdahulu RM165.
- (v) Peralatan hendaklah disusutnilai pada kadar 20 % setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Gaji Aysha telah dibayar dalam tahun semasa dan telah didebit dalam Akaun Gaji.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2013.
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2013.
- (c) Kunci Kira-kira pada 31 Oktober 2013.

Soalan adalah berkaitan dengan tugas untuk menyediakan akaun penamat dan Kunci kira-kira bagi sebuah entiti perkongsian. Akaun penamat bagi perkongsian merangkumi Akaun Perniagaan, Akaun Untung rugi dan Akaun Pengasingan Untung rugi. Calon perlu menguasai kefahaman, pengetahuan dan kemahiran tentang fungsi imbangan duga, klasifikasi akaun, perakaunan asas akruan, pelarasan pada tarikh imbangan, terma perkongsian, pengiktirafan hasil dan belanja dan format penyata kewangan.

Maklumat yang diberikan dalam soalan merangkumi Imbangan duga, terma perkongsian serta maklumat tambahan. Lima perkara dalam maklumat tambahan (tidak termasuk stok akhir) adalah merupakan maklumat berkaitan pelarasan.

2(a)

Menyediakan Akaun Perniagaan dan Untung rugi dalam format penyata

Kekuatan

Akaun Perniagaan disediakan dengan menggunakan format yang betul. Semua item yang perlu ada dalam akaun ini telah ditunjukkan secara teratur dan lengkap. Angka bagi item belian yang terlibat dengan pelarasan 'ambilan barang untuk kegunaan peribadi' telah dapat ditunjukkan dengan tepat. Jalan kerja untuk pelarasan ini telah disertakan dengan jelas. Angka bagi jualan bersih dan kos jualan dapat ditentukan dengan tepat dan dengan itu memberikan angka bagi untung kasar adalah betul

2 (*) Bayaran Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2013			
	RM	RM	RM
Jualan			298567
Totol: kos jualan			
Stok awal		22650	
Belian (96895 - 1200)	95645		
(+) Pengeluaran masuk	1684		
Kos belian		97229	2
Kos barang untuk dijual		119879	
(-) Stok akhir		23900	
Kos jualan			96379
Untung kasar			181988

Penyediaan Akaun Untung rugi disediakan mengikut format yang betul. Semua item yang perlu ada telah ditunjukkan. Angka bagi item yang terlibat dengan pelarasan dapat ditentukan dengan tepat kerana penguasaan calon terhadap perkara 'pelarasan' adalah sangat baik. Penguasaan konsep dan prinsip 'pengiktirafan hasil dan belanja' dan 'pengkelasan akaun' sangat membantu dalam penghasilan jawapan yang lengkap dan tepat. Jalan kerja yang jelas disertakan bagi item yang terlibat dengan pelarasan. Angka untung bersih dapat ditentukan dengan tepat.

Temp. belanja			
Temp. nilai pembelian $(95000 - 22900) \times 10\%$		11260	
Gaji pekerja $(84624 + 1500 - 6000)$		80124	
Belanja am $(56289 - 165)$		56124	
Faedah atas pinjaman $(10000 \times 10\%)$		2000	
			14998
untung bersih			32490

Jalan kerja

Ikatan perkongsian

a) Faedah atas modal:

Rosli	$RM\ 40\ 000 \times \frac{5}{100} = RM\ 2000$
Aysha	$RM\ 30\ 000 \times \frac{5}{100} = RM\ 1500$

b) Faedah atas pinjaman Rosli

$$RM\ 20\ 000 \times \frac{10}{100} = RM\ 2000$$

c) Gaji Aysha = RM 6000

d) Nisbah untung atau rugi \Rightarrow Rosli dan Aysha $\frac{3}{5}$ dan $\frac{2}{5}$

i) Stok akhir = RM 23500

ii) Ambilan Rosli

$$RM\ 16000 + RM\ 1200 = RM\ 17200$$

$$= \text{Belian} = RM\ 96\ 845 - RM\ 2800 =$$

$$= RM\ 94\ 045$$

iii) Gaji pekerja terakru
RM 84 624 + RM 1500 = RM 86 124
iv) Belanja am terdahulu
RM 56 289 - RM 165 = RM 56 124

v) Peralatan
$20\% \times (RM 85\ 000 - RM 28\ 750)$
= RM 11 250 + Belanja susut nilai
Susut nilai terkumpul peralatan
RM 11 250 + RM 28 750 = RM 40 000

Kelemahan

Kelemahan Akaun Perniagaan meliputi kegagalan calon menentukan angka belian yang tepat. Ini adalah disebabkan angka belian tidak diselaraskan dengan perkara pelarasan 'ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri'. Terdapat juga calon yang menyediakan akaun ini tanpa item angkutan masuk' oleh yang demikian angka bagi Kos Jualan gagal ditentukan dengan tepat. Ini memberi kesan kepada untung kasar.

a) Perkongsian Rosli dan Aysha			
Pernyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Oktober 2013.			
	Rm	Rm	Rm
Jualan			278 367
(-) Kos Jualan			
Stok Awal		22 650	
Belian	95 645		
Angkutan masuk	1 584		
Kos Jualan		94 061	
Kos Barang untuk Dijual			116 711
Untung Kasar			161 656

Perbendaharaan Resti dan Ayah			
a)	Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2018		
	Jualan		278 267
	Tolak: Kos Jualan		
	Staf awal	22 650	
	Belian	96 845	
	Kos Barang untuk Dijual	119 495	
	- Staf akhir	23 500	
	Kos Jualan		95 995
	Untung Kasar		182 372

Terdapat kelemahan penyediaan Akaun Untung rugi melibatkan item yang tertakluk kepada pelarasan. Jalan kerja tidak ditunjukkan beserta angka jawapan dan yang paling ketara adalah bagi item gaji pekerja. Gaji pekerja melibatkan dua pelarasan iaitu unsur terakru dan juga gaji pekongsi yang tersalah debit dalam akaun gaji.

Terdapat calon yang menunjukkan jalan kerja tetapi salah dalam pengiraan sebagai contoh Belanja am Terdahulu yang sepatutnya ditolak telahpun ditambah kepada Belanja am yang telah dibayar (angka dalam Imbangan duga).

Kelemahan juga dikesan melalui kegagalan mengambil kira semua item yang sepatutnya ada dalam komponen belanja. Calon tidak mengambil kira Faedah atas pinjaman pekongsi sebagai belanja perniagaan

(-) Belanja			
Susut nilai peralatan		11 250	
Belanja am		56 124	-
Gaji pekerja		86 124	
Untung bersih.			153 498

iv)	Belanja Am terdahulu RM 165 = RM 56289 + RM 165		
	= RM 56454		

(-) Belanja				
Susut nilai peralatan		11250		
Gaji pekerja		86124		
Belanja am		56454		
				153828

(-) Belanja					
Susut nilai peralatan				11250	
Gaji pekerja				86124	
Belanja am				56124	
					153498
Untung bersih					30090

Kesilapan

Kesilapan calon yang paling ketara adalah kegagalan menguasai format susunan item dalam Akaun Perniagaan. Belian sepatutnya ditambah dengan Angkutan masuk terlebih dahulu sebelum ditambah dengan Stok awal untuk memperoleh Kos Barang Sedia Untuk Dijual. Kos ini kemudiannya perlu ditolak dengan Stok akhir untuk mendapatkan Kos Jualan. Kegagalan menepati langkah ini menyebabkan calon gagal kenal pasti dan melabel 'Kos Jualan'.

Atas faktor tidak menguasai format susunan item mengakibatkan jumlah besar bagi Belian tambah Angkutan masuk telah terus ditolak dengan stok akhir. Kos Jualan tidak dapat ditentukan dan ini memberi kesan kepada ketepatan angka bagi Untung kasar.

2 (a)			
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2013			
Jualan			278 367
Tolak: Kos jualan			
Belian		96 845	
Stok Awal	22650		
(+) Angkutan masuk	1584		
	24 234		
(-) Stok Akhir	23500		
Kos barang yang dijual		734	
			97579
			180788

Bahagian b.

JURNAL

no. 2				
	Pernyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2013.			
		Rm.	Rm	Rm
	Jualan		278 367	
				278 367
	(-) kos jualan			
	Stok awal		22 650	
	Belian	96845		
	(+) Angkutan masuk	1584		
			98429	
	(-) Stok akhir		23 500	
				74929
	Untung kasar			203438

Kesilapan juga dikesan dalam menyediakan Akaun Untung rugi. Angka Susut nilai telah dapat ditentukan tetapi angka yang ditunjukkan dalam Akaun Untung rugi adalah angka Susut nilai Terkumpul yang sepatutnya menjadi angka di Kunci Kira kira. Faedah atas pinjaman pekongsi yang pada asalnya ditunjukkan telah dibatalkan oleh calon. Ini menunjukkan ketidak pastian calon dalam perkara pengkelasan akaun. Terdapat juga jalan kerja untuk Faedah atas pinjaman tetapi melakukan kesilapan pendaraban yang menggunakan dua kali kadar peratus.

Untung kasar	191 988
(-) Belanja	
Susut nilai terkumpul peralatan (28750 + 11 250)	40 000
Gaji pekerja (84 624 + 1500)	86 124
Belanja am (56 289 - 165)	56 124
	182 248
Rugi bersih	(260)

(-) Belanja			
Susut Nilai Peralatan		11250	
Gaji Pekerja		86124	
Faedah Pinjaman Belanja Am		56124	
			153498
Untung Bersih -			8158

(b) Faedah atas pinjaman perkongsi

$$\text{Rosl} : 10\% \times 20\,000^{\text{RM}}$$

$$= \text{RM}2000 \times 10\%$$

$$= \text{RM}200$$

(b) Penyata Pengasingan Untung Rugi

Kekuatan

Akaun Pengasingan yang disediakan telah mengambil kira semua item yang sepatutnya ada. Ini mencakupi Faedah atas modal setiap perkongsi, gaji perkongsi dan pengasingan untung atau rugi. Calon berupaya menunjukkan angka yang betul bagi Faedah atas modal perkongsi dan ianya juga disokong oleh jalan kerja yang jelas dan tepat. Disamping itu calon berupaya menentukan bahagian kongsi rugi berdasarkan nisbah pembahagian yang terdapat dalam terma perkongsian.

b) Perkongasian Rosli dan Aysha		
Pernyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2013		
	RM	RM
Rugi bersih		(260)
(-) Faedah Atas Modal		
Rosli (5% x RM40000)	2000	
Aysha (5% x RM30000)	1500	
Gaji Aysha	6000	
		9500
		<u>(9760)</u>
Kongsi rugi :		
Rosli ($\frac{3}{5}$ x RM 9760)	5856	
Aysha ($\frac{2}{5}$ x RM 9760)	3904	
		<u>9760</u>

Kelemahan

Item Faedah atas pinjaman telah di tunjukkan dalam Akaun Pengasingan Untung rugi. Item ini sepatutnya di tunjukkan dalam Akaun Untung rugi.

Pernyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2013		
	RM	RM
Untung bersih		30090
(-) Faedah atas modal		
Rosli	2000	
Aysha	1500	
	3500	
Gaji Aysha	6000	
Faedah atas pinjaman Rosli	2000	
	8000	
		11500
		<u>18590</u>

Kesilapan

Angka yang dikira tidak ditunjukkan dalam unit RM dan sen. Ini tidak selaras dengan penerapan prinsip asas perakaunan iaitu 'wang sebagai ukuran'.

			3700
Kongsi Unting			4458
Rosli ($\frac{2}{5}$)		2674.8	
Aysha ($\frac{3}{5}$)		1783.2	
			4458

(c) Kunci Kira-kira

Kekuatan

Kunci Kira-kira telah disediakan dengan mengikut format yang betul dengan mengamb il kira semua item yang biasa terdapat di dalamnya. Nilai buku bagi Aset Bukan Semasa ditunjukkan dengan tepat iaitu menunjukkan kos dan Susut nilai Berkumpul. Jumlah Aset Semasa dan jumlah Liabiliti Semasa ditunjukkan dan dengan itu Modal Kerja dapat ditentukan. Bagi bahagian ekuiti pemilik pula, ditunjukkan Akaun Modal dan Akaun Semasa bagi setiap pekongsi. Jumlah Akaun semasa pekongsi yang ditunjukkan dalam Kunci kira-kira disokong samada dengan penyediaan Akaun Semasa setiap pekongsi ataupun melalui kaedah pengiraan matematik.

Kelemahan

Calon gagal mengenal pasti angka yang tepat untuk item Susut nilai Berkumpul. Walaupun butiran item adalah betul tetapi angka yang salah telah digunakan iaitu angka belanja Susut nilai. Di bahagian ekuiti pemilik pula hanya menunjukkan Akaun Modal setiap pekongsi tanpa item bagi Akaun Semasa. Item Rugi Bersih dan ambilan pekongsi di tunjukkan dalam bahagian ekuiti pemilik. Calon sepatutnya menyediakan Akaun semasa setiap pekongsi untuk mendapatkan angka baki akhir Akaun Semasa bagi setiap pekongsi.

c) Perkongsian Rosli dan Aysha			
Kunci kira-kira pada 31 Oktober 2013			
	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Peralatan (85000 - 28750)		56250	
(-) Susut nilai terkumpul (20% x 56250)		11250	
			45000

Terdapat juga kelemahan dalam mentafsir maksud 'ambilan barang belum direkodkan'. Perkara ini telah ditafsir oleh calon sebagai 'terakru' dan ianya telah ditunjukkan dalam komponen Liabiliti Semasa. Angka overdraf bank pula di tunjukkan dalam komponen Aset Semasa.

dibiayai oleh:		
Ekuiti pemilik		
Modal awal:		
Rosli	40 000	
Aysha	30 000	70 000
(-) Rugi bersih	9760	
Ambilan Rosli	17 200	
Ambilan Aysha	5000	
		31 960
Modal Akhir		38 000

Akaun semasa		
Pembiayaan		56241
Bank		(6198)
Stok akhir		23500
Belanja um terdahulu		165
		74373
(-) Liabiliti Semasa		
Pembiutang		19373
Cuti pekerja terdahulu		1500
Ambilan terdahulu		1700
		22073

Kesilapan

Terdapat kesilapan dalam penyediaan bahagian Ekuiti Pemilik bagi Akaun Semasa setiap pekongsi. Calon telah menyediakan Akaun Semasa setiap pekongsi yang menunjukkan baki akhir masing-masing. Kesilapan calon adalah kerana baki debit Akaun Semasa ditunjukkan sebagai baki positif dalam Kunci Kira-kira dan sebaliknya. Pinjaman jangka pendek telah di tunjukkan dalam komponen Liabiliti Bukan Semasa. Ini sepatutnya dikategorikan sebagai Liabiliti Semasa.

Aysha					30000
Akaun semasa					
Rosli					10850
Aysha					(2360)
Akaun semasa					
Bntiran	Rosli	Aysha	Bntiran	Rosli	Aysha
Baki/b		140	Baki/b	2350	
Ambilan	17200	5000	Faedah atas pinjaman	2000	
			Faedah atas modal	2000	1500
			Gaji		6000
Baki/b		2360	Baki/b	10850	
	17200	7500		17200	7500
Liabiliti Bukan semasa					
Pinjaman Rosli					20000

Akaun Modal			
Rosli		40000	
Aysha		30000	70000
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman Rosli			20000
			66502

Soalan 3

- 3 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Kayak Petaling Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2012:

	RM
Bangunan kelab (kos)	50 000
Peralatan kayak (kos)	42 000
Susut nilai terkumpul:	
Bangunan kelab	10 000
Peralatan kayak	18 800
Belanja am terdahulu	180
Yuran tertunggak	1 250
Stok minuman	525
Tunai di bank	835
Upah terakru pekerja minuman	450
Pemiutang minuman	125
Yuran terdahulu	1 000

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab dalam tahun 2012:

	RM
Penerimaan:	
Yuran	25 600
Jualan minuman	18 644
Derma untuk pembesaran bangunan kelab	30 000
Pembayaran:	
Minuman:	
Belian	6 840
Upah pekerja	4 300
Peralatan kayak:	
Belian sepanjang tahun	5 000
Belanja membaiki	2 640
Membaiki bangunan kelab	1 750
Pembesaran bangunan kelab	48 500
Belanja am	4 200

Maklumat tambahan pada 31 Disember 2012:

- (i) Belanja am terdahulu RM165
- (ii) Stok:
 - Alat tulis RM245
 - Minuman RM575
- (iii) Upah terakru pekerja minuman RM465
- (iv) Pemiutang minuman RM182
- (v) Belanja am RM4 200 adalah termasuk bayaran berkaitan minuman berjumlah RM1 350
- (vi) Yuran:
 - Diterima terdahulu RM1 200
 - Tertunggak RM800
- (vii) Susut nilai dikira menggunakan kaedah garis lurus:
 - Bangunan kelab 5 % setahun
 - Peralatan kayak 25 % setahun

Anda dikehendaki:

- (a) Mengira dana terkumpul pada 1 Januari 2012. Tunjukkan jalan pengiraan dengan jelas.
- (b) Menyediakan akaun berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 2012:
 - (i) Akaun Yuran
 - (ii) Akaun Perniagaan Minuman
 - (iii) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
- (c) Menyediakan Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2012 dengan menunjukkan bahagian dana terkumpul sahaja.

Soalan ini berkaitan tajuk 'Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan'. Maklumat aset dan liabiliti pada awal tempoh perakaunan beserta maklumat penerimaan dan pembayaran sepanjang tahun perakaunan diberikan. Maklumat tambahan yang melibatkan pelarasan belanja terdahulu dan terakru; yuran tertunggak dan terdahulu; baki akhir pemiutang; kesilapan prinsip; dan susut nilai aset bukan semasa memerlukan calon mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman perakaunan. Calon juga perlu berkeupayaan menganalisis maklumat untuk menjawab tugas soal.

Soalan 3a

Calon perlu mengira dana terkumpul pada 1 Januari 2012 dengan menunjukkan jalan pengiraan yang jelas.

Kekuatan

Pengiraan dana terkumpul awal yang tepat dengan menunjukkan pengelasan aset dan liabiliti yang jelas. Calon juga telah menunjukkan jumlah aset dan liabiliti dengan jelas dan tepat sebagai langkah untuk mengira Dana terkumpul (Aset – Liabiliti = Dana Terkumpul).

Penyata Dana Terkumpul pada 1 Januari 2012

Aset	Bangunan kelab	50000	
	(-) Susutnilai terkumpul	10000	40000
	Peralatan kayak	42000	
	(-) Susutnilai terkumpul	18800	23200
	Belanja am terdahulu		180
	Yuran tertunggak		1250
	Stok minuman		525
	Tunai di bank	835	65990
Liabiliti	Upah pekerja terakm minuman		450
	Pemiutang minuman		125
	Yuran terdahulu	1000	1575
Dana Terkumpul Awal			64415

a) Dana Terkumpul awal = Aset - Liabiliti.

$$\text{Aset} = (50000 - 10000) + (42000 - 18800) + 525 + 835 + 1250 + 180$$

$$= 65990$$

$$\text{Liabiliti} = 450 + 125 + 1000$$

$$= 1575$$

$$\text{Dana terkumpul awal} = 65990 - 1575$$

$$= 64415$$

Kelemahan

Pengelasan gagal dibuat dengan betul untuk aset dan liabiliti. Ini menyebabkan pengiraan dana terkumpul tidak tepat.

Dana terkumpul pada 1 Januari 2012		RM	RM	RM
Aset				
	Bangunan kelab		50000	
(-)	Susutnilai bangunan kelab		10000	40000
Tunai				835
	Upah terakru pekerja minuman			450
				43240
(+) Liabiliti				
	Peralatan kayak	22000		
(-)	Susutnilai Peralatan kayak	18000	23200	
	Pemintang minuman		125	
	Yuran terdahulu		1000	24325
	Dana terkumpul pada 1 Januari 2012			<u>18915</u>

JURNAL

Dana Terkumpul pada 1 Januari 2013			
		RM	RM
Aset			
Bangunan kelab		50 000	
-Susut nilai terkumpul		10 000	
			40 000
Peralatan kayak		42000	
-Susut nilai terkumpul		18 800	
			23 200
Belanja am terdahulu			180
Yuran tertunggak			1250
Stok minyak			525
			65 155

- Liabiliti			
Tunai di bank		835	
Upah terakru		450	
Pemutang		125	
Yuran terdahulu		1000	
			2410
Dana Terkumpul			62 745

Calon tidak dapat mengenal pasti susut nilai terkumpul adalah catatan kontra bagi aset bukan semasa. Amaun susut nilai terkumpul bangunan kelab dan peralatan kayak tidak dimasukkan dalam pengiraan jumlah aset menyebabkan jumlah dana terkumpul tidak tepat.

Penyata mengenai Dana Terkumpul pada 1 Januari 2012.		
	RM.	RM
Aset.		
Bangunan kelab		58 000
Peralatan kayak		42 000
Belanja am terdahulu		180
Yuran tertunggak		125
Stok minuman		525
Tunai di bank		835
		94790
(-) Liabiliti		
Upah terakru pekerja minuman	450	
Pemutang minuman	125	
Yuran terdahulu	1000	
		1575
Dana terkumpul pada 1 Januari 2012.		79215

Kesilapan

Calon telah mengkelaskan Susut nilai terkumpul sebagai liabiliti yang menyebabkan jumlah aset dan liabiliti tidak tepat walaupun amaun dana terkumpul betul.

Dana Tercumpul Anai		
pada 1 Januari 2012		
Butiran	Rm	Rm
Aset : Bangunan Kelab	50 000	
Peralatan Kayak	42 000	
Belanja Belanja am	180	
Yuran tertunggak	1250	
Stok minuman	525	
Tunai di bank	835	
		94790
(-) Aset Liabiliti		
Susut nilai terkumpul kelab	10 000	
Susut nilai terkumpul peralatan kayak	18 800	
Upah terakru	450	
Pemintang minuman	125	
Yuran terdahulu	1000	30375
= Utang Dana Tercumpul		64415

Terdapat juga calon yang mengira dana terkumpul tanpa jalan kerja yang jelas iaitu tanpa menunjukkan sebarang jumlah aset dan liabiliti.

$$\begin{aligned}
 \text{Dana terkumpul} &= \text{Aset} - \text{Liabiliti} \\
 &= (\text{RM}50000 - 10000 + 42000 - 18800 + \text{RM}180 + \text{RM}1250 + \text{RM}525 \\
 &\quad + 825) - (\text{RM}450 + \text{RM}125 + \text{RM}1000) \\
 &= \text{RM}64415
 \end{aligned}$$

Soalan 3b (i)

Calon perlu menyediakan Akaun Yuran

Kekuatan

Majoriti calon dapat menyediakan Akaun Yuran dengan betul. Butir dan amaun dicatatkan dengan tepat dalam Akaun Yuran.

(b)	(i)	Akaun Yuran	
	Baki b/b	1250	Baki b/b 1000
	Pendapatan dan Perbelanjaan	24950	Bank 25600
	Baki h/b	1200	Baki h/b 800
		27400	27400
	Baki b/b	800	Baki h/b 1200

Kelemahan

Calon tidak dapat mengenal pasti kedudukan 'Yuran tertunggak' dan 'Yuran terdahulu' dengan betul dan telah mencatatkan pada kedudukan terbalik. Calon juga tidak dapat mengenal pasti angka imbangan sebagai 'Pendapatan dan Perbelanjaan'.

b.	Akaun Yuran			
	Yuran Terdahulu	1000	Yuran Tertunggak	1250
	Penerimaan dan pembayaran	26250	Bank	25600
	Yuran tertunggak	800	Yuran terdahulu	1200
		28050		28050

Kesilapan

Akaun Yuran dapat disediakan dengan format yang betul dengan mencatatkan yuran tertunggak awal dan yuran terdahulu awal pada kedudukan yang betul. Walau bagaimanapun calon telah tersilap mencatat Yuran tertunggak akhir dan Yuran terdahulu akhir menyebabkan angka imbangan tidak tepat.

Akaun Yuran			
baki b/b	1250	baki b/b	1000
		Bank	25600
Pendapatan dan Perbelanjaan	25750		
baki h/b	800	baki h/b	1200
	<u>27800</u>		<u>27800</u>

Soalan 3b(ii)

Calon diminta menyediakan Akaun Perniagaan Minuman.

Kekuatan

Calon dapat menyediakan Akaun Perdagangan Minuman dengan format yang betul. Jalan kerja yang ditunjukkan dengan jelas membantu calon mengira amaun yang betul untuk akaun-akaun yang melibatkan pelarasan. Calon dapat mengira jumlah belian dengan betul, dapat membuat pelarasan untuk Akaun Upah (melibatkan baki awal dan akhir) serta dapat membuat pembetulan untuk Akaun Belanja Am dengan tepat.

Kelab Kayak Petaling Jaya			
(ii) Penyata Perniagaan Minuman bagi tahun berakhir 31 Disember 2013			
Jualan (18644 + 0)			18644
(-) Kos Jualan			
Stok awal		525	
(+) Belian (57 + 6840)		6897	
Kos barang-barang untuk dijual		7422	
(-) Stok akhir		575	
Kos Jualan			6847
Untung kasar			11797
(-) Belanja			
Upah pekerja minuman (4300 - 450 + 465)		4315	
Belanja am minuman		1350	5665
Untung Minuman			6132

Kelemahan

Format Akaun Perniagaan tidak dikuasai, di mana calon tidak dapat mengenal pasti akaun-akaun yang terlibat. Di samping itu, mereka juga telah menyediakan akaun Perniagaan secara terbalik yang menyalahi konsep asas perakaunan.

Akaun Perniagaan Minuman:

3b ii)			Akaun Perniagaan Minuman		
	Kuran	25600		Belian	6840
	Jualan minuman	18644		Upah pekerja	4300
				Pemintaran	182
				Belanja am	1350
				Baki h/b	31572
		44244			44244
	Baki b/b	31572			-

Kesilapan

Format Akaun Perniagaan telah dikuasai tetapi hanya mencatatkan belian tunai sebagai jumlah belian. Calon terlupa untuk mengira belian kredit yang juga termasuk dalam pengiraan jumlah belian.

ii)		Kedai Kekak Ahaling Jaya		
Akaun Pergerakan Perniagaan Minuman bagi tahun berakhir 31 Disember 2012				
Stok awal	minuman	RM 525	Jualan minuman	RM 18644
Belian		6840		
Kos barang untuk dijual		7365		
- Stok akhir		575		
		1790		

Soalan 3b (iii)

Calon perlu menyediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Kekuatan

Akaun Pendapatan dan Akaun Perbelanjaan dapat disediakan dengan format yang betul dan lengkap. Calon dapat mengenal pasti pendapatan atau perbelanjaan hasil yang terlibat dalam pengiraan lebihan (Pendapatan – Perbelanjaan). Mereka bukan sahaja berjaya menentukan pembayaran untuk pembesaran bangunan kelab bukan perbelanjaan hasil tetapi juga penerimaan derma untuk pembesaran bangunan bukan sebagai pendapatan hasil yang dicatatkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

Majoriti calon dapat memindahkan angka Yuran dan untung minuman dengan tepat.

Kelab Kayak Petaling Jaya			
